



# KENYATAAN MEDIA

## MENTERI PERPADUAN NEGARA

### KEKALKAN KEHARMONIAN SESAMA MASYARAKAT BERBILANG BANGSA DAN AGAMA

Saya ingin menegaskan bahawa tidak akan sama sekali berkompromi kepada mana-mana pihak yang mencetuskan polemik perkauman dan menyentuh sensitiviti agama yang menganggu gugat keharmonian dan perpaduan rakyat.

Dalam soal ini, kita seharusnya sentiasa menghormati dan mendukung **Perkara 3 dalam Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara** sebagai ramuan perpaduan negara. **Rukun Negara adalah prinsip asas yang sepatutnya menjadi panduan bagi pembinaan serta pemeliharaan keharmonian di Malaysia.** Cita-cita dan prinsip-prinsip tersebut perlu dihayati dan dipatuhi oleh setiap lapisan masyarakat untuk mencapai kesejahteraan bersama dan membangunkan negara yang harmoni.

Justeru, saya berharap agar semua pihak dapat menyebarluas prinsip asas integrasi nasional iaitu **FAHAM, HORMAT dan TERIMA** yang merupakan prinsip asas dalam memupuk keharmonian dan kepelbagaian dalam masyarakat Malaysia. Kementerian Perpaduan Negara bersama Institut Kefahaman Islam Malaysia sedang meneliti dan akan mengangkat cadangan **PIAGAM HARMONI** yang mampu menjadi panduan untuk membina negara yang aman dan harmoni seterusnya menatijahkan kemakmuran seperti dihasratkan dalam konsep Malaysia MADANI.

Saya juga ingin mengingatkan kepada **semua pihak agar berhati-hati dalam menyatakan sebarang kenyataan atau tindakan yang menyentuh sensitiviti agama dan perkauman.** Tindakan sedemikian boleh disabitkan atas kesalahan di bawah undang-undang yang berkenaan seperti Seksyen 298A Kanun Keseksaan dan Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

Saya turut menyokong penuh titah Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim Sultan Iskandar supaya pihak berkuasa mengambil tindakan tegas termasuk mengenakan hukuman berat terhadap pihak yang melakukan kesalahan supaya ia menjadi pengajaran kepada orang lain. Marilah kita bersama-sama mewujudkan masyarakat yang aman, harmoni, dan bertoleransi di negara ini.

Terima kasih.

- TAMAT -

**YB DATUK AARON AGO DAGANG  
MENTERI PERPADUAN NEGARA  
20 MAC 2024**